

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa merupakan anugerah Tuhan dan menjadi milik manusia yang membezakannya daripada haiwan. Ianya bolehlah diibaratkan seperti sebuah kapal yang sarat dengan muatan. Bahasa bukan sekadar patah-patah perkataan tetapi mengandungi banyak maklumat dan mengungkap pelbagai maksud. Manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi, menggerakkan perasaan, melahirkan fikiran, menyampaikan ilmu, mencipta keindahan melalui kesusasteraan sama ada lisan atau tulisan serta mewariskan ilmu dan kebudayaan daripada satu generasi kepada satu generasi.

Menurut Asmah (1986:45), bahasa adalah alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia yang lain dengan menghasilkan bunyi-bunyi yang dilahirkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka. Bunyi-bunyi ini tersusun menurut hukum-hukum yang ada dalam sesebuah masyarakat pengguna sesuatu bahasa tertentu sehingga bukan sahaja dapat melambangkan buah fikiran yang sudah dan sedang dilahirkan tetapi juga yang akan dilahirkan.

Bahasa jika dilihat dari segi fungsinya bukan sahaja merupakan satu unsur pencerna budaya tetapi juga merupakan satu wadah pencerna pemikiran sesuatu bangsa. Fungsi bahasa sebagai sistem komunikasi harus dapat difahami makna dan tujuannya terutama bagi peserta komunikasi. Semasa berkomunikasi, kita terpaksa tunduk kepada norma kebudayaan seperti mana yang dinyatakan oleh Robert

Sibarani (1992:109), bahawa tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat setempat dan penggunaan bahasa mereka. Jika tidak, individu yang terlibat akan tergolong sebagai individu yang egois, tidak beradat dan tidak berbudaya.

Bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam percakapan atau perbualan. Percakapan bukan sahaja merupakan media untuk menyalurkan maklumat daripada penutur kepada pendengar tetapi juga wadah untuk memelihara hubungan sosial serta menjalin persefahaman antara pemeran dalam sesebuah interaksi lisan. Salah satu perkara penting yang kita lakukan melalui percakapan ialah memeriksa dengan teliti kepercayaan serta nilai-nilai masyarakat dan menjadikan nilai-nilai itu sebahagian daripada identiti kita dan cara kita memahami dunia ini (Mukhlis Abu Bakar, 1999:937).

Interaksi antara pengguna, perlakuan dan budaya sesuatu masyarakat akan menjadi satu kegiatan yang penting di mana bahasa menjadi alat perantaraannya. Dalam hal ini, Mohamad Md. Yusoff (1993:36) menjelaskan bahawa bahasa ialah angkubah utama dalam proses sosialisasi di mana bahasa boleh digunakan sebagai alat perwakilan. Menerusi bahasa, kita dapat melabelkan elemen dunia secara simbolik dengan konsep abstrak tentang dunia, diri sendiri dan sebagainya. Setiap individu boleh memanipulasikan simbol dalam pemikirannya. Malah dalam satu proses yang berterusan kita menghasilkan, menguji dan membaiki teori kebahasaan tentang kefahaman, pandangan hidup dan pengalaman. Akibatnya kita membentuk ‘peta’ persekitaran kita sendiri.

Pembangunan bangsa hanya mungkin dibangun menerusi bahasanya sendiri kerana bahasa mencerminkan kemajuan dan pemikiran sesuatu bangsa. Hal ini

masyarakat itu berupaya mengungkap semua hal yang berhubung dengan proses berfikir dan bertindak. Justeru, bahasa turut mendasari bidang politik sebagai salah satu saluran yang bermakna untuk menyampaikan mesej, idea, gagasan dan matlamat kerajaan kepada rakyat. Dalam hal ini, barisan pemimpin mestilah berhati-hati ketika memilih perkataan dan scharusnya menggunakan gaya bahasa yang positif supaya mereka dapat mempengaruhi rakyat untuk bergerak sebagai satu unit. Oleh itu, bahasa sebagai satu wadah sudah mula digunakan dengan tertib. Kini, kita melihat bagaimana kesantunan berbahasa diutamakan dan dituntut benar dalam masyarakat dunia memandangkan bahasa menjadi alat sosial yang mustahak untuk berhubungan sesama manusia di samping menyampaikan pelbagai maksud.

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun yang dibangunkan oleh manusia memerlukan satu sistem bahasa yang baik bukan hanya untuk berkomunikasi tetapi juga untuk mengungkapkan konsep dan nilai keintelektualan, merancang kegiatan ekonomi dan aktiviti kehidupan seharian. Dalam hubungan ini, orang Melayu terutamanya di kalangan masyarakat feudal pada zaman dahulu telah meletakkan bahasa sebagai alat perhubungan sosial yang penting. Menurut mereka, masyarakat yang kuat ialah masyarakat yang erat silaturrahimnya, mempunyai persefahaman dan hidup bertoleransi ibarat "*aur dengan tebing*". Oleh yang demikian, mereka sangat berhati-hati ketika berkomunikasi dan jarang berterus terang ketika menyampaikan sesuatu maksud.

Masyarakat feudal dikatakan sentiasa berfikir panjang dalam menyatakan hasrat, kehendak, nasihat, teguran dan kritikan kerana bimbang akan menyinggung perasaan orang lain. Oleh yang demikian, mereka lebih gemar menggunakan kias atau ibarat sebagai salah satu cara untuk menyampaikan maksud yang tersirat.

Penggunaan kias atau ibarat ini selain daripada menimbulkan keindahan kepada bahasa boleh juga memaparkan kesopanan, kehalusan dan kelembutan budaya Timur semasa berkomunikasi. Penggunaan pelbagai lambang, imej, ikon, situasi dan peristiwa berjaya menimbulkan unsur kesopanan dan pada masa yang sama maksud yang disampaikan tepat dan tajam (S. Othman Kelantan, 1998:2).

Kiasan Melayu jika dilihat secara tersurat hanyalah suatu unsur dalam pengucapan orang-orang Melayu. Namun jika dikaji secara tersirat dan mendalam, kiasan bagaikan mutiara atau buntut daripada kebijaksanaan mereka yang mempunyai bahasa tersebut. Kiasan ternyata sarat dengan pengajaran dan teladan yang disampaikan secara halus kepada masyarakat supaya bijak menyusun tata tertib hidup. Dalam hal ini, peribahasa yang berbunyi "*kerana mata buta, kerana hati mati*" secara tersiratnya mengungkap mesej, nasihat dan peringatan kepada manusia supaya tidak menurutkan hawa nafsu kerana ia akan membinasakan diri sendiri. Demikianlah betapa cerdik dan tingginya pemikiran manusia yang berjaya menggarap kepelbagaiannya bentuk kehidupan yang dialami melalui penggunaan unsur-unsur peribahasa.

Bertitik tolak dari kesedaran inilah mendorong pengkaji untuk meninjau dan mengkaji secara mendalam kepentingan kiasan Melayu khususnya dalam bidang pengucapan awam. Sememangnya keperluan bahasa semakin lama semakin meningkat lebih-lebih lagi dalam era globalisasi. Namun kita tidak seharusnya melupakan bahasa dan jati diri kita yang banyak terungkap dalam kiasan Melayu. Biarpun masyarakat dunia hari ini dikatakan lebih suka kepada fenomena berterang, namun tatacara berbahasa masih perlu disesuaikan dengan norma kebudayaan bagi mewujudkan persefahaman. Pengkaji percaya bahawa setiap hasrat, pandangan

dan kritikan akan lebih bermakna jika disampaikan secara halus tetapi berkesan dan ini boleh diterapkan melalui penggunaan kiasan Melayu.

1.1 Pernyataan Masalah

Era teknologi maklumat dan arus globalisasi sedang mendepani pelbagai cabaran terutamanya yang menyentuh aspek pemikiran dan kebudayaan bangsa. Justeru, ia turut memberi kesan kepada jati diri dan identiti bangsa Melayu yang seharusnya dikekalkan dan pertahankan. Keperkasaan sesuatu tamadun amat bergantung kepada keupayaan bahasa dalam tamadun itu. Dalam hubungan ini, penggunaan kiasan Melayu dilihat mampu memperkasa kepercayaan, nilai dan pegangan hidup, mengatur perlakuan serta tingkah laku bangsanya. Ini terbukti melalui penciptaan kiasan seperti peribahasa, bidalan dan pepatah yang telah melalui ujian masa serta penggunaannya dalam masyarakat.

Bahasa mempengaruhi pandangan hidup dan cara berfikir masyarakat, melihat dan menanggapi keadaan dunia sekelilingnya atau bertepatan dengan apa yang dikatakan kebudayaan sesuatu masyarakat akan terpancar menerusi bahasanya. Bidang pengucapan awam turut menekankan elemen bahasa sebagai alat untuk menyampaikan maklumat, mesej, idea, kritikan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pengucap seharusnya mengamalkan kaedah atau cara yang lebih berbudaya dan berbahasa ketika berhadapan dengan khalayak ramai.

Daripada dulu sehingga kini, bidang pengucapan awam dianggap sebagai satu saluran penting untuk menyampaikan agenda kerajaan kepada rakyat. Melalui ucapan yang terbuka, pelbagai amanat dan mesej dapat disampaikan termasuklah

aspek politik, ekonomi, sosial, agama, pendidikan, perniagaan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, tidak semua daripada pengucap itu mampu menyempurnakan tugas mereka dengan berkesan akibat daripada kesilapan pendekatan iaitu melakukan kritikan secara terang-terangan. Dalam hubungan ini, Abdullah Hassan (2001:130) menjelaskan bahawa kebanyakan pengucap tidak memiliki kemahiran menyampaikan kritikan secara betul dan tidak tahu membezakan antara ‘orang’ dan ‘isu’. Apa yang kerap berlaku ialah pengucap menujukan kritikan kepada ‘orang’nya sedangkan apa yang perlu adalah ‘isu’nya. Oleh yang demikian, kritikan secara terang-terangan jarang membawa kebaikan ditambah pula dengan sikap masyarakat yang tidak mempunyai kemahiran menerima kritikan dengan cara yang terbuka. Apabila dikritik mereka menjadi defensif dan akan mempertahankan apa yang mereka lakukan disebabkan perasaan tidak selesa, tersinggung dan diperkecilkan oleh pengucap. Hal ini sepatutnya dianggap sebagai satu masalah besar dalam bidang pengucapan awam kerana pengucap seharusnya menghormati hak dan perasaan pendengar. Justeru, cara yang lebih halus dan berbudaya untuk menyampaikan kritikan ialah dengan menggunakan kiasan Melayu.

Pengkaji telah melakukan pemerhatian terhadap generasi muda hari ini dan mendapati mereka kurang mementingkan penggunaan kiasan Melayu dalam komunikasi seharian. Kebanyakan daripada mereka hanya mengingati kiasan yang biasa dan mudah digunakan seperti “*melentur buluh biarlah dari rebungnya*”, “*siapa makan cili dia lah terasa pedasnya*” dan “*biar papa asal bergaya*”. Hasil pemerhatian juga menunjukkan ada di antara mereka yang tidak lancar, tidak ingat dan tidak berkemampuan menggunakan kata kiasan yang sesuai semasa berkomunikasi. Fenomena ini tidak sepatutnya dibiarkan berlaku sebaliknya generasi

muda perlu diberikan pendedahan yang lebih luas supaya dapat memartabatkan kata kiasan yang tercetus daripada pemikiran bijak masyarakat dahulu.

Kiasan Melayu menjadi wadah untuk memartabatkan jati diri bangsa Melayu yang merangkumkan nilai keintelektualan, kesopanan dan kelembutan budaya Timur sebagai satu cara hidup. Masyarakat Melayu tradisional beranggapan bahawa adalah tidak sopan jika sesuatu perkara yang kurang manis diucapkan secara langsung atau berterus-terang. Menurut mereka, perbuatan menyinggung perasaan orang lain adalah bertentangan dengan adat dan budaya Timur yang kaya dengan adab sopan. Seperti kebanyakan pusaka bahasa Melayu yang lain, kata kiasan juga banyak menekankan nilai dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu. Koentjaraningrat (1981:248) telah memetik kenyataan Clyde Kluckhohn (1952) yang menyatakan bahawa nilai budaya dalam semua kebudayaan dunia adalah mengenai lima masalah pokok dalam kehidupan manusia iaitu:

- i. hakikat hidup manusia;
- ii. hakikat karya manusia;
- iii. hakikat kehidupan manusia dalam ruang waktu;
- iv. hakikat hubungan manusia dengan alam sekitarnya;
- v. hakikat hubungan manusia sesamanya.

Sistem nilai memainkan peranan yang penting dalam mengatur tatacara hidup seseorang sebagai ahli dalam masyarakatnya. Menurut Thoedorson dan Theodorson (1979), sistem nilai memberikan suatu rangka kerja untuk penganalisisan norma-norma masyarakat, keunggulan, kepercayaan dan kelakuan. Oleh yang demikian, sistem nilai mesti ada dan perlu diterima oleh sebilangan besar ahli masyarakat bagi menjamin kewujudan dan kekekalanannya. Dalam sistem ini sememangnya telah tersusun nilai baik, kurang baik dan tidak digalakkan (Wan Abdul Kadir dan Ku Zam

Zam, 1996:4). Justeru, terpulanglah kepada individu tersebut untuk memilih sistem nilai yang dikehendakinya, bak kata pepatah “*tepuk dada tanya selera*”.

Walau bagaimanapun ciri-ciri unik orang Melayu ini semakin hilang akibat daripada pengaruh Barat yang mengamalkan sikap keterbukaan dalam komunikasi sehingga mengabaikan perasaan orang lain. Jika unsur tradisi ini tidak diterapkan semula maka dikhuatiri jati diri orang-orang Melayu akan hilang ditelan zaman. Dalam hal ini, kiasan yang berbunyi “*tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*” yang bermaksud sesuatu adat yang tidak berubah bahkan tetap utuh seharusnya menjadi amalan dalam mempertahankan khazanah masyarakat tradisional yang tinggi nilainya bertepatan dengan ungkapan “*bahasa jiwa bangsa*”. Dalam menghadapi era globalisasi, perhubungan yang bersifat antarabangsa seperti urusan perniagaan, pendidikan dan pentadbiran semakin meningkat. Oleh yang demikian, pengetahuan tentang satu atau lebih daripada satu bahasa antarabangsa tidak merugikan. Namun, mengetengahkan bahasa sendiri tidak bererti menolak bahasa lain. Dalam kegairahan menerima penggunaan bahasa antarabangsa, kita tidak seharusnya melupakan bahasa dan jati diri kita sendiri terutamanya penggunaan kiasan Melayu dalam komunikasi.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti bentuk-bentuk kiasan Melayu yang terdapat dalam teks ucapan iaitu kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan bentuk peribahasa dan kiasan bukan peribahasa;

- Menghuraikan kesesuaian, ketajaman, persoalan dan mesej yang terdapat dalam kiasan Melayu dalam mengungkapkan maksud yang tersurat dan tersirat;
- Menemukan hubung kait kiasan dengan jati diri orang Melayu dalam konteks hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia, dan hubungan manusia dengan alam;
- Mengkaji kreativiti dan sensitiviti masyarakat Melayu semasa berkomunikasi termasuklah daripada segi etika, peradaban, tutur kata dan sebagainya.
- Mencetuskan anjakan paradigma kepada masyarakat umum supaya tidak memandang negatif terhadap fungsi kiasan Melayu dalam bidang pengucapan awam.

1.3 Data Kajian

Pengkaji menggunakan Teks Ucapan Belanjawan Negara [1998] yang disampaikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia 1998 sebagai bahan kajian. Data kajian ini diperolehi secara autentik daripada buku “Siri Ucapan Penting Belanjawan [1998]” yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Malaysia. Teks ucapan ini dipilih berdasarkan kemantapan bahasa dan gaya bahasanya sekaligus menepati kehendak kajian yang memfokuskan kepada salah satu daripada unsur gaya bahasa iaitu penggunaan kiasan Melayu. Pengkaji telah menaip semula teks ini dan disemak beberapa kali bagi memudahkan kajian. Teks ucapan ini mengandungi 26 muka surat dengan 10,935 patah perkataan dan 1,414 baris. Kajian ini akan hanya melibatkan isi kandungan

yang terdapat dalam teks ucapan dan tidak akan menyentuh peribadi pengucap. Pengumpulan data dilakukan dengan cara mendapatkan bahan daripada perpustakaan dengan merujuk kepada kajian-kajian ilmiah, kertas kerja, jurnal, media massa, majalah dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan kajian. Data-data yang telah diperolehi akan diteliti, disemak, dan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif bagi menepati kehendak objektif kajian.

1.4 Metodologi Kajian

Penyelidikan ini akan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tertumpu yang difokuskan kepada Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998. Analisis tertumpu dilakukan dengan memberikan perhatian kepada penggunaan kiasan Melayu dalam teks ucapan tersebut. Selain daripada itu, kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif digunakan bagi menganalisis keseluruhan isi teks ucapan bagi mencapai objektif kajian. Kaedah kuantitatif pula digunakan untuk menganalisis data kajian yang melibatkan perangkaan dan statistik mudah. Secara umumnya, kajian ini akan melalui beberapa peringkat iaitu:

- Menggunakan kerangka konsep Muriel Saville-Troike yang diterjemahkan oleh Ajid Che Kob dalam buku “Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan” (1991) dalam menjelaskan komponen-komponen komunikasi. Satu huraian akan diberikan terhadap teori-teori komunikasi, model perutusan komunikasi dan bentuk-bentuk kiasan Melayu.

- Pendekatan kualitatif akan digunakan bagi meneliti dan menganalisis keseluruhan isi teks ucapan dalam menentukan batasan kajian. Analisis isi kandungan ini adalah satu kaedah yang dibentuk bagi memastikan tercapainya objektif kajian.
- Mengenal pasti, menyenarai dan mengkategorikan jenis kiasan Melayu yang terdapat dalam teks ucapan. Pengkaji perlu konsisten dan peka terhadap ciri-ciri yang terdapat pada kiasan tersebut. Dalam hubungan ini, pengkaji akan merujuk kepada kajian-kajian yang telah dibuat oleh tokoh-tokoh seperti Za'ba (1965), Abdullah Hassan (1993) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tumpuan lebih diberikan kepada kajian yang telah dibuat oleh Safian Hussain (1988) yang telah mengklasifikasikan kiasan Melayu kepada empat bentuk iaitu kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan bentuk peribahasa dan kiasan bukan peribahasa.
- Data akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Semua data yang diperolehi akan ditunjukkan dalam bentuk perangkaan atau statistik mudah. Carta pai dan graf akan digunakan bagi menunjukkan hasil analisis.
- Huraian secara tersurat dan tersirat akan dilakukan bagi menjelaskan semua persoalan dan mesej yang terdapat dalam kiasan Melayu yang telah dikenal pasti.

1.4.1 Kaedah Menganalisis Data

Peringkat pertama, pengkaji akan meneliti kajian-kajian terdahulu berkenaan dengan kiasan Melayu dan menyorot pandangan para pengkaji sastera di Malaysia

dan luar negara seperti Hashim Awang, Rahman Shaari, Andullah Hussain, Safian Hussain, Jamaliah Mohd. Ali, Gorys Keraf, Brown dan lain-lain lagi. Sorotan kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan kiasan Melayu dalam kehidupan masyarakat terdahulu dan kepentingannya dalam bidang pengucapan awam pada masa kini. Hal ini akan dikemukakan dalam Bab Dua.

Peringkat kedua, pengkaji akan menggunakan kerangka konsep Muriel Saville-Troike yang diterjemahkan oleh Ajid Che Kob dalam buku “Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan” (1991). Satu huraian akan diberikan terhadap komponen-komponen komunikasi seperti genre, topik, tujuan atau fungsi, latar, peserta, bentuk mesej, kandungan mesej, urutan perilaku, peraturan interaksi dan norma-norma interpretasi. Komponen-komponen komunikasi ini perlu dihuraikan kerana ia merupakan elemen-elemen penting dalam bidang pengucapan awam. Komunikasi akan menjadi kurang atau tidak berkesan sekiranya pengucap tidak peka dan gagal memberikan perhatian terhadap komponen-komponen yang disarankan. Penjelasan lanjut berkenaan dengan kerangka konsep dan komponen-komponen komunikasi ini akan dihuraikan secara terperinci dalam Bab Tiga.

Peringkat ketiga, pengkaji akan menghuraikan beberapa konsep lain yang merangkumi teori-teori komunikasi, model perutusan komunikasi dan bentuk-bentuk kiasan Melayu. Pengkaji akan meneliti pandangan ahli-ahli komunikasi seperti Sulaiman Masri, Asiah Sarji, Mohad Nordin Salji, Gary T. Hunt, Arthur Koch, Imtiaz Hasnain dan Mohd. Yusof Hussain. Model perutusan yang dirujuk ialah “Model Satu Pusingan Komunikasi” oleh Sulaiman Masri (1997) dan “Model Perutusan Wilbur Schramm” (1971). Pengkaji juga akan memperincikan bentuk-bentuk kiasan Melayu iaitu kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan bentuk peribahasa

dan kiasan bukan peribahasa serta mengklasifikasikannya mengikut kategori masing-masing. Hal ini akan dijelaskan dalam Bab Tiga.

Pengkaji akan mengenal pasti, menyenarai dan mengkategorikan kiasan Melayu berdasarkan ciri-ciri yang terdapat pada kiasan tersebut di peringkat keempat. Terdapat 18 kiasan Melayu yang telah dikenal pasti dan kemudiannya diasingkan mengikut kategori masing-masing. Kategori-kategori tersebut termasuklah kiasan terus, kiasan berbunga, pepatah, simpulan bahasa, perbilangan, perumpamaan dan hiperbola. Pengkategorian kiasan Melayu ini dibuat berdasarkan kepada kajian pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Abdullah Hassan (1993), Mohamad Shahidan (1999), Gorys Keraf (1988), Za'ba (1965), Aripin Said (1994), Safian Hussain (1988), S. Othman Kelantan (1992), Zulkifli Hamid (1994) dan Syed Muhammad Naquib (1990) sepihmana yang dibincangkan dalam Bab Dua. Walau bagaimanapun, pengkaji akan menumpukan perhatian kepada kajian yang telah dibuat oleh Safian Hussain (1988).

Peringkat kelima, pengkaji akan menganalisis data dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Dalamuraian kuantitatif, pengkaji mengenal pasti kategori-kategori kiasan berdasarkan kepada ciri-ciri yang terdapat padanya. Bagi memudahkan pemerhatian dan pemahaman, pengkaji akan membuat perbandingan bagi setiap kategori kiasan dan kekerapan penggunaannya. Data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan statistik mudah dan ditunjukkan dalam bentuk carta pai dan graf. Hasil daripada analisis ini akan menunjukkan sejauh manakah kekerapan penggunaan kategori kiasan Melayu daripada yang tertinggi kepada yang terendah.

Dalamuraian kualitatif pula, pengkaji akan melakukan bacaan, menyemak dan mengenal pasti kategori-kategori kiasan yang terdapat dalam teks ucapan. Setelah itu, pengkaji akan mengasingkannya mengikut jenis-jenis kiasan di bawah kategori masing-masing. Seterusnya, persoalan dan mesej yang terdapat dalam kiasan tersebut akan dihuraikan baik secara tersurat maupun tersirat. Ini perlu dilakukan bagi memperlihatkan kepada pembaca bahawa kiasan bukan sekadar mengandungi maksud literal tetapi penuh dengan mesej, peringatan, kritikan dan pengajaran. Walau bagaimanapun, langkah ini perlu dilaksanakan dengan teliti dan bijaksana agar pengkaji tidak tersilap mentafsir maksud yang terkandung dalam kiasan tersebut. Kesilapan mentafsir makna akan mengubah maksud sebenar kiasan itu sekaligus menimbulkan salah faham terhadap isi kandungan teks ucapan. Oleh yang demikian, pengkaji akan merujuk kepada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu susunan Abdullah Hussain (1995) dan Mega Peribahasa susunan Zulkiflee Yazid (1996) bagi mendapatkan maksud kiasan yang tepat. Semua yang dibincangkan ini akan dimuatkan dalam Bab Empat.

Selain itu, pengkaji akan menganalisis fungsi-fungsi lain penggunaan kiasan Melayu dalam teks ucapan yang dikaji. Dalam konteks kajian, pengkaji akan meneliti sejauh manakah pengucap dapat menggunakan bahasa kiasan sebagai satu strategi untuk memujuk, menasihati, menyakinkan, meminta simpati, memberi peringatan dan mempengaruhi pendengar supaya dapat bersama-sama pengucap merealisasikan objektif ucapan belanjawan negara 1998. Hasil analisis akan menjelaskan adakah kiasan Melayu hanya berfungsi sebagai bahasa sindiran atau secara tidak langsung boleh juga berfungsi sebagai bahasa pujukan yang tinggi.

Pengkaji turut membincangkan beberapa aspek kelemahan dan kekuatan yang terdapat dalam teks ucapan. Dalam hal ini, pengkaji akan mengupas beberapa kelemahan khususnya yang berkaitan dengan penggunaan kiasan Melayu. Ini termasuklah memberikan kritikan, cadangan dan sokongan terhadap sesuatu isu yang telah dibangkitkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekuatan terutamanya daripada aspek bahasa yang boleh dijadikan panduan kepada pengucap-pengucap lain. Apa yang diharapkan ialah perbincangan mengenai kelemahan dan kekuatan ini akan diterima secara terbuka dalam usaha menghasilkan satu siri teks ucapan yang lebih mantap pada masa-masa akan datang.

1.5 Batasan Kajian

Pengkaji menggunakan Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998 yang disampaikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia 1998 sebagai bahan kajian. Data kajian ini diperolehi secara autentik daripada buku "Siri Ucapan Penting Belanjawan 1998" yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Malaysia. Kajian ini akan hanya melibatkan penggunaan kiasan Melayu dalam teks ucapan dan tidak akan menyentuh peribadi pengucap.

1.6 Kepentingan Kajian

Bahasa sebagai alat komunikasi membenarkan kita melaksanakan pelbagai fungsi termasuklah menghuraikan idea, menyampaikan perasaan dan bertegur sapa. Bahasa juga boleh digunakan untuk mempengaruhi pihak lain dan memperlihatkan

sikap kita terhadap sesuatu. Fungi serta kegunaan bahasa begini dikaitkan dengan kuasa yang ada pada bahasa untuk membentuk persepsi. Dalam hal ini, ungkapan “kuasa” dengan cepat menimbulkan imej seperti kuat dan berupaya serta konsep seperti daya, pengaruh dan tindakan. Kuasa bersifat fizikal dan mempunyai keupayaan mengubah realiti. Ia boleh menyebabkan sesuatu yang belum ada itu wujud dan boleh juga menjadikan sesuatu yang sedia ada itu tidak wujud (Teo Kok Seong, 1998:40).

Dalam perhubungan awam, komunikasi merupakan satu daripada kegiatan yang terpenting. Pengamal perhubungan awam terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam semua aspek komunikasi. Amalan baik perhubungan awam ialah membentuk dan menjamin komunikasi dua hala yang berasaskan keterangan yang benar dan maklumat lengkap. Bagi menjadi seorang yang pakar dalam bidang komunikasi, pengamal perhubungan awam haruslah mengetahui tentang konsep dan teori komunikasi. Dalam hal ini, komunikasi sebagai istilah berpunca daripada perkataan Latin ‘*communiatus*’ yang bermaksud berkongsi sesuatu. Apabila kita berkomunikasi, ini bermakna kita sedang berusaha berkongsi idea atau maklumat dengan individu atau orang yang kita berkomunikasi dengannya (Mohd. Hamdan Haji Adnan, 1998:73).

Kepentingan bahasa dalam proses komunikasi sangat jelas kerana ketepatan bahasa menentukan proses penyampaian dan penerimaan mesej berlaku dengan berkesan. Bahasa yang tepat akan menghasilkan mesej yang tepat. Dalam hal ini, bahasa bukan sahaja bertindak sebagai penghubung yang baik tetapi juga dapat meningkatkan imej sesebuah organisasi dan menampilkan kewibawaan seseorang. Oleh itu, tidak hairanlah jika bahasa dilihat sebagai satu sistem simbol yang berkait

rapat dengan penggunanya (Mohamad Md. Yusoff, 1993:36). Bagi membentuk diri sebagai seorang pengucap atau seorang komunikator yang baik, kelulusan yang tinggi dalam bidang komunikasi bukanlah satu jaminan. Walaupun seseorang itu memiliki ijazah kedoktoran namun dia mungkin seorang komunikator yang kurang berkesan. Begitu juga seorang yang pandai berbicara dan suka bercakap, dia tidak semestinya seorang komunikator yang baik.

Realitinya, proses komunikasi sering dianggap mudah dan remeh oleh segolongan besar masyarakat. Ini disebabkan kebanyakan daripada mereka merasakan bahawa berkomunikasi sudah menjadi darah daging mereka. Akibatnya, manusia mengalami kegagalan komunikasi (*communication breakdown*) hampir setiap hari. Mereka menghadapi masalah di mana mesej yang diterima oleh penerima tidak difahami atau disalahertikan. Oleh yang demikian, komunikator atau pengucap mestilah mempelajari teknik-teknik komunikasi yang berkesan termasuklah menitikberatkan penggunaan perkataan yang tidak menyinggung perasaan pendengar atau audiens.

Kajian tentang penggunaan kiasan Melayu dan keperluannya dalam bidang pengucapan awam penting untuk dilaksanakan memandangkan belum ada lagi kajian-kajian secara ilmiah dilakukan. Jika ada pun, ianya sekadar membicarakan soal mesej dan tema yang tersirat dalam kiasan tersebut tanpa mengaitkannya dengan bidang pengucapan awam. Sememangnya, dunia pengucapan awam merupakan ruang besar yang dapat membuka atau menutup minda masyarakat apatah lagi dalam mengharungi pergolakan politik hari ini. Para pemimpin negara seharusnya mengambil kesempatan dalam ucapan-ucapan mereka untuk menyampaikan idea, objektif dan agenda kerajaan kepada masyarakat.

transmisi budaya boleh meminggirkan ciri-ciri keindahan dalam bahasa Melayu yang sepatutnya dipertahankan.

1.7 Definisi Konsep

Pentakrifan dan penjelasan akan diberikan terhadap istilah '*kiasan Melayu*' dan '*pengucapan awam*' bagi mengukuhkan lagi kajian yang akan dilakukan.

1.7.1 Kiasan Melayu

Kamus Dewan (1997:676), memberikan tiga takrif kias iaitu pertama sebagai ibarat, teladan atau pengajaran (yang terkandung atau ternyata dalam cerita dan lain-lainnya). Takrif kedua kias ialah sebagai teguran yang tidak dengan terus-terang iaitu sindiran dan ketiga yang telah ada, perbandingan dengan hal yang telah berlaku, hujah (mengenai hukum Islam) yang didasarkan pada perbandingan dengan hal yang telah berlaku (tidak berdasarkan sunnah). Manakala Kamus Dewan (1994:628) pula telah mengelaskan perkataan kiasan kepada enam kategori iaitu:

- 1) pertimbangan (perhitungan) mengenai sesuatu perkara dengan perbandingan (persamaan) perkara yang lain;
- 2) ibarat, perumpamaan;
- 3) sindiran;
- 4) pengajaran atau contoh (yang terdapat dalam cerita dll), teladan;
- 5) lambang;
- 6) erti yang tersembunyi, kata.

Dalam bahasa Arab, perkataan kias (kiasan) atau ibarat berasal daripada perkataan ‘*qias*’ yang bermaksud menyampaikan sesuatu kepada sesuatu yang lain. Qias dalam konteks hukum Islam adalah salah satu daripada sumber undang-undang yang empat yang diterima oleh semua mazhab Sunni selain al-Quran, al-Hadith dan ijmak. Ini turut dipersetujui oleh Dr. Ali Mohamad (1996:138-139) yang mentakrifkan qias sebagai satu sumber undang-undang yang menerangkan tentang hukuman sesuatu yang hukumannya tidak ada nas dengan cara menghubungkan atau membandingkan sesuatu hukuman dengan sesuatu hukuman yang lain yang ada nas apabila ada hubungan hukum antara satu sama lain.

Hashim Awang (1987:9) pula berpendapat bahawa kiasan ialah bahasa imaginatif yang membawa maksud lain daripada apa yang ditulis. Bahasa kiasan ini timbul apabila seseorang menghubungkaitkan fikirannya dengan sesuatu yang lain. Perkaitan hubungan berlaku melalui persamaan pengalaman, citarasa, pertentangan dengan sesuatu atau bersamaan dengan sesuatu hal.

Secara umumnya, kiasan bolehlah dianggap sebagai bahasa halus atau tersirat yang berfungsi untuk menyampaikan maksud sebenar pengucap. Kiasan jika diungkap dengan baik maka akan tergambar mesej dan sindiran tajam yang cuba disampaikan oleh pengucap secara tidak langsung. Dalam hal ini, Za’ba menjelaskan bahawa bahasa sindiran ialah bahasa yang ditujukan kepada seseorang tetapi maksudnya tidak disebut dengan tepat, sebaliknya hanya disinggung dengan membuat kiasan sahaja atau ditujukan kepada perkara lain semata-mata kerana tidak suka menyebut perkara tersebut secara terang-terang (Pelita Bahasa, April, 1995).

1.7.2 Pengucapan Awam

Kamus Melayu Global (1997:1212), mentakrifkan ‘pengucapan’ sebagai sesuatu yang berkait dengan ucapan manakala Kamus Dewan (1994:1423) mendefinisikan ia sebagai perihal mengucap. Walau bagaimanapun, pada masa-masa yang lepas ramai pengkaji yang menggunakan istilah seperti ‘perucapan umum’ dan ‘perucapan awam’ namun ia tetap merujuk kepada maksud yang sama iaitu berkaitan dengan ucapan atau komunikasi.

Mohd. Hamdan Adnan (1993: 222) pula menyatakan pengucapan awam adalah suatu bentuk komunikasi bersemuka yang amat berkesan untuk menyampaikan penerangan atau pemujukan. Oleh yang demikian, pengucap perlulah mempertingkatkan kemahiran ucapan awamnya dan menguasai teknik-teknik berucap di depan orang ramai atau khalayak sasarannya. Beliau berpendapat, berucap di khalayak ramai adalah suatu perkara yang digeruni oleh kebanyakan orang. Pada masa yang sama ramai juga yang beranggapan bahawa kepetahan bercakap adalah suatu kebolehan semula jadi. Walau bagaimanapun, tanggapan ini adalah salah kerana untuk menjadi seorang pengucap yang mantap ia memerlukan banyak latihan.

Gary T. Hunt yang diterjemah oleh Asiah Sarji dan Mohad Nordin Salji (1990:2) menyatakan perucapan umum telah ditulis dan dikaji sejak hampir tiga ribu tahun yang lalu. Perucapan umum merangkumi aktiviti-aktiviti seperti pidato, syarahan, ucapan dan komunikasi. Pada kebiasaannya perucapan umum mempunyai peringkat-peringkat tertentu dalam menghasilkan sebuah persembahan. Walau bagaimanapun, pada masa kini perucapan umum tidak lagi dianggap sebagai suatu

bentuk hiburan sebaliknya ia dikaji sebagai suatu alat yang berguna untuk perutusan di kalangan orang ramai.

Sulaiman Masri (1997:9) menegaskan bahawa komunikasi pertuturan yang paling formal ialah syarahan atau pidato umum. Syarahan ini dilakukan untuk menghasilkan kesan khusus terhadap khalayak. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk mempengaruhi khalayak supaya dapat menumpukan perhatian kepada hujahan pengucap. Ini bermakna pengucap itu perlu mengatur ucapannya, menyampaikan idea dengan baik dan menyakinkan. Sillars (1988) memberikan definisi komunikasi yang lebih jelas iaitu komunikasi adalah penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat, pendapat atau idea dengan tulisan, percakapan atau imej visual atau mana-mana kombinasi ketiga-tiga unsur tersebut supaya bahan yang dikomunikasikan difahami dengan jelas oleh sesiapa yang terlibat.

Sebagai kesimpulannya, komunikasi merupakan satu proses penyampaian maklumat daripada satu pihak (penyampai) kepada satu pihak yang lain (penerima). Komunikasi yang berkesan akan menghasilkan maklum balas dan seterusnya tindak balas yang diharapkan. Ini kerana komunikasi merupakan satu aktiviti yang berterusan dan berlaku apabila sesuatu input memberi kesan kepada pemikiran manusia. Ia melibatkan perhubungan antara penyampai, mesej, penerima dan maklum balas. Dalam hubungan ini, semua aspek kebudayaan adalah relevan dengan komunikasi manakala perbezaan silang budaya boleh menimbulkan konflik atau menghalang komunikasi. Justeru, setiap individu mestilah mematuhi etika dan peradaban sesuatu bangsa supaya komunikasi dapat berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya.